


Info

→ **Dibuka setiap hari** dari jam 10.30 pagi-9 malam kecuali Khamis.
→ **Antara menu disediakan**, set nasi daging salai masak lemak cili api, ayam pedas tetel, nasi goreng tomato, ayam masak merah, sup tulang, roti jala, lempeng dan sagu gula Melaka

→ **Dandanan kucing** (mandi, potong kuku, bersih telinga) RM40
→ **Cat hotel** (RM15 semalam bagi seekor manakala RM30 semalam untuk sekeluarga)
→ **Barangan kucing** (makanan, permainan, penjagaan kebersihan dan pasir).

Cat Walk Studio



Untuk video layari www.bharian.com.my



Pelanggan yang membawa kucing untuk dijaga dan mendapatkan rawatan di Cat Walk Studio, Ayer Keroh.



Pengunjung, Nurul Aini Abd Ghani, bermain dengan kucing di Cat Walk Studio, Ayer Keroh.

Antara kucing yang dibela di Cat Walk Studio, Ayer Keroh.

Cat Walk Studio pusat sehati pencinta kucing

→ Pengunjung boleh nikmati hidangan sambil membelai haiwan jinak

Oleh **Noor Azurin Mohd Sharif**
bhnews@bh.com.my

► **Ayer Keroh**

Konsep kafe kucing sudah tidak asing buat pencinta haiwan berkenaan khususnya di pusat bandar kerana ia lebih santai dengan kepelbagaian menu disaji ringkas.

Memikirkan belum ada lagi konsep sama di Melaka, seorang anak jati negeri ini memberanikan diri untuk berbuat 'sesuatu' khususnya bagi penggemar kucing di Melaka.

Hasilnya, selepas lebih lima tahun beroperasi, Cat Walk Studio di Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini, menjadi satu-satunya pilihan penggemar haiwan jinak berkenaan untuk bermain dengan lebih 15 ekor kucing pelbagai baka.

Lebih istimewa, kafe itu juga dijadikan sebagai 'pusat sehenti' kerana pengunjung bukan hanya dapat menikmati sajian sambil membelai kucing, tetapi dapat mengikuti perkhidmatan lain berkai-



Cat Walk Studio ini umpama pusat sehenti kerana ia seolah-olah tempat berhimpun buat pencinta kucing untuk bertukar pendapat dan mendapat pelbagai maklumat”

Muhammad Ariff Abd Ghani,
Pengusaha Cat Walk Studio

tan haiwan berkenaan.

Pengusahanya, Muhammad Ariff Abd Ghani, 32, berkata pelanggan tetap di Cat Walk Studio bukan semata-mata mahu menjamu selera tetapi mahu mendapatkan lebih perkhidmatan lain.

“Cat Walk Studio ini umpama pusat sehenti kerana ia seolah-olah tempat berhimpun buat pencinta kucing untuk bertukar pendapat dan mendapat pelbagai maklumat.

Ada lebih 30 menu

“Di sini juga terdapat lebih 30 menu hidangan Melayu. Malah, pelanggan juga boleh mendapat khidmat dandan kucing, hotel dan barangan kucing,” katanya yang juga seorang pereka dalam.

Muhammad Ariff berkata, perniagaan itu tidak dianggap mahu mengaut keuntungan semata-mata, sebaliknya mahu berkongsi minat terutama kepada peminat kucing sepertinya.

“Saya sendiri mempunyai lebih 40 ekor kucing di rumah termasuk kucing jalanan yang diselamatkan,

manakala di kafe pula, ada pelbagai jenis kucing terdiri daripada pelbagai jenis baka yang dinamakan mengikut tema tertentu untuk mudah diingati.

“Antara baka kucing yang ada di Cat Walk Studio ialah seperti *domestic long hair*, *persian exotic short hair*, *maine coon*, *munchkin*, *British short hair*, *cornish rex*, *American curl* dan *Japanese bobtail*,” katanya.

Bagi menjaga kebersihan, Muhammad Ariff meletakkan kucing di dalam bilik kaca khas dengan dekorasi menarik, yang mana pelanggan boleh masuk dan bermain dengan kucing di ruang khas.

Katanya, pelanggan yang ingin bermain dengan 15 ekor si manja di dalam bilik kaca khas itu diwajibkan membasuh tangan terlebih dulu, malah menghadkan tujuh pelanggan pada satu-satu masa.

“Syarat ini adalah sebahagian daripada langkah berjaga-jaga untuk memastikan kucing bebas daripada penyakit dan bakteria.

“Bayaran untuk bermesra dengan kucing pula hanya RM7 bagi 30 minit,” katanya.